


Headline	Panduan berguna		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	15	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	556 cm ²
Journalist	nisa.kamarudin@bh.com.my Oleh	AdValue	RM 19,166
Frequency	Daily	PR Value	RM 57,497



» Penceramah kongsi kepakaran dengan peserta seminar

Panduan berguna



Peserta mengaminan doa sebelum seminar bermula.

Oleh Khairunnisa Kamarudin
nisa.kamarudin@bh.com.my

• Kuala Lumpur

Peserta Seminar Bimbingan Peperiksaan anjuran Kelab TaHa Tabung Haji (TH) dengan kerjasama BH perlu memanfaatkan segala pengetahuan yang diperoleh sepanjang program itu sebagai perediaan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), November depan.

Pengarah TH Wilayah Persekutuan, Hamidun Ibrahim, berkata bukan semua pelajar berpeluang menyertai seminar yang padat dengan pelbagai tip berkesan. Justeru itu mereka yang dipilih seharusnya menggunakan kesempatan itu bagi membantu mereka mencapai keputusan cemerlang.

"Program seumpama ini memberi peluang kepada calon untuk bertanya soalan kepada penceramah yang pakar dalam subjek



Seminar beri peluang kepada calon untuk bertanya soalan kepada penceramah yang pakar dalam subjek masing-masing.

Hamidun Ibrahim,
Pengarah TH
Wilayah Persekutuan

masing-masing.

"Mereka juga boleh berkongsi apa saja panduan berkaitan pembelajaran selain melakukan latihan ulang kaji secara bersama. Paling penting, pelajar perlu memotivasikan diri untuk belajar lebih baik demi memastikan kejayaan dalam peperiksaan," katanya ketika merasmikan Seminar Bimbingan Peperiksaan SPM di sini, baru-baru ini.

Pengarang Berita Pendidikan BH, Ridzuan Yop turut hadir.

Seminar sehari itu memberi tumpuan kepada tiga mata pelajaran utama iaitu

Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik oleh penceramah berpengalaman. Seminar disertai 250 pelajar yang juga calon SPM dari lapan sekolah menengah kebangsaan (SMK) sekitar ibu kota.

Lapan sekolah menengah Sekolah terbabit ialah SMK Perempuan (P) Air Panas, SMK Seri Tasik, SMK Seri Bintang Selatan, SMK Sungai Besi, SMK Puteri Wilayah, SMK Padang Tembak dan SMK Batu Muda.

Peserta, Muhammad Rahimie Mohd Radzi, 17, seminar ini banyak mem-

bantunya memahami subjek tertentu dengan lebih mendalam terutama subjek wajib lulus seperti Bahasa Melayu.

"Ini adalah kali kedua saya mengikuti seminar seumpama ini. Kali pertama semasa di Tingkatan Tiga sebagai perediaan PMR dan ia banyak membantu saya menjawab soalan peperiksaan. Penceramah juga memberi banyak input berguna dan saya rasa seronok sepanjang mengikuti seminar sehari ini," katanya.

Pelajar SMK Seri Bintang Selatan, Nurul Aqilah Zakaria, berkata penceramah menggunakan pendekatan menarik dan seminar itu tidak membosankan.

"Penyampaian penceramah nampak profesional dan menyeronokkan. Saya lebih mudah memahami sesuatu subjek yang disampaikan dan banyak perkara baharu dipelajari berbanding apa yang diajar guru ketika di kelas.

"Saya rasa lebih yakin untuk menghadapi SPM kerana tip yang diberikan penceramah sangat berguna dan memudahkan saya untuk fokus kepada sukatan mata pelajaran tertentu," katanya.



Hamidun (depan tengah) dan Ridzuan (berbaju kuning) bersama peserta seminar.